

## PERATURAN PERTANDINGAN GOLF

### 1. AM

Pertandingan ini dinamakan Kejohanan

### 2. PENGANJUR / PENGELOLA

Pertandingan ini dianjurkan oleh Majlis Sukan Penjara Malaysia dan dikelolakan oleh Institusi Penjara yang dipilih mengikut ketentuan kalendar MSPM

### 3. PENDAFTARAN

- 3.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua pegawai/anggota/kakitangan yang bertugas di bawah Jabatan Penjara Malaysia.
- 3.2 Penyertaan dibahagikan kepada penyertaan pasukan dan individu. Jumlah penyertaan pasukan dihadkan kepada 2 pasukan. Setiap pasukan terdiri daripada tiga (3) atau empat (4) orang pemain. Pendaftaran pemain hendaklah menggunakan **Borang** yang disediakan.
- 3.3 Penyertaan individu dari satu-satu institusi adalah tidak terhad. Kategori individu dibahagikan kepada dua (2) iaitu kategori umum dan kategori VIP. Kategori VIP adalah terhad kepada JUSA dan ke atas, selainnya adalah kategori umum. Pendaftaran pemain hendaklah menggunakan **Borang** yang disediakan.
- 3.4 Setiap pemain akan dikenakan bayaran penyertaan sebanyak **RM300.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja)**.
- 3.5 Setiap pemain yang tidak mempunyai insuran golf akan dikenakan bayaran tambahan mengikut kadar yang dikenakan oleh kelab di mana pertandingan akan diadakan.

### 4. TEMPAT, TARIKH DAN MASA PERTANDINGAN

- 4.1 Tempat pertandingan belum ditentukan lagi.
- 4.2 Tarikh pertandingan akan ditetapkan kemudian.
- 4.3 Masa melaporkan diri kepada "Starter" di lokasi pertandingan sekurang-kurangnya lima belas (15) minit sebelum waktu "Tee-off yang dijadualkan.

### 5. PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

Peraturan dan undang-undang pertandingan ini adalah mengikut 'St. Andrews Rules of Golf' dan peraturan tempatan di lokasi pertandingan.

### 6. SISTEM DAN FORMAT PERTANDINGAN

- 6.1 Sistem dan format pertandingan adalah menggunakan "Modified System 36 stableford".
- 6.2 Setiap pemain dikehendaki menunjuk "MGA handicap card" jika dipinta.
- 6.3 Permainan tiap lubang bermula dari "tee marker" biru.
- 6.4 Mata kemenangan pasukan dikira berdasarkan markah tiga pemain terbaik di dalam pasukan berkenaan.
- 6.5 Markah untuk kejohanan adalah mengikut keputusan pertandingan berpasukan. Acara individu adalah acara sampingan.
- 6.6 Markah untuk kejohanan adalah mengikut keputusan pertandingan berpasukan. Acara individu adalah acara sampingan.
- 6.7 Hadiah akan diberikan kepada kedua-dua acara berpasukan dan individu.
- 6.8 Keputusan yang dibuat oleh pengelola adalah muktamad.

### 7. SARAPAN PAGI, MAKAN TENGAHARI DAN PENYAMPAIAN HADIAH

Sarapan pagi dan makan tengahari akan disediakan oleh pihak pengelola pertandingan. Maklumat lanjut mengenai sarapan, makan tengahari dan penyampaian hadiah akan dimaklumkan semasa taklimat kepada pengurus-pengurus pasukan.

## 8. HADIAH

- 8.1 Hadiah berpasukan adalah untuk tempat pertama, kedua dan ketiga.
- 8.2 Hadiah individu:
  - 8.2.1 10 hadiah terbaik kategori umum.
  - 8.2.2 5 hadiah terbaik kategori VIP
  - 8.2.3 6 hadiah novelties

## 9. BANTAHAN

Segala bantahan boleh dibuat dengan merujuk kepada **Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan** yang dilantik oleh pihak penganjur kejohanan ini.